

PM ramal jualan akan laris

Oleh NAZAR ABDUL

PENDANG, Selasa — Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan harga kereta nasional Proton Saga yang diumumkan hari ini sebagai murah. *(car project)*

"Dengan harga semurah itu, Proton Saga patut laris dijual," katanya ketika ditemui di Kampung Bukit Raya dekat sini selepas menghadiri majlis kenduri Qurban.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, dengan harga yang murah bagi model 1.3 dan model 1.5 rakyat negara ini patut membelinya.

● ULASAN RAKYAT DI MUKA 2

"Semua orang boleh membeli Proton Saga dan membantu perusahaan kereta nasional," tambahnya.

Beliau sukacita dengan sambutan yang menggalakkan itu dan berharap semua pihak akan bersabar membelinya.

"Oleh kerana pengeluaran hanya 7,600 unit sahaja tahun ini diharap rakyat yang tidak dapat membelinya akan bersabar," tambahnya.

Perdana Menteri juga berkata, pada masa ini belum ada lagi rancangan untuk mempamerkan Proton Saga di mana-mana pame-

ran perdagangan antarabangsa.

"Mungkin kereta Proton Saga akan dipamerkan setiap ekspo perdagangan yang diadakan di dalam negeri," tambahnya.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, terpujanglah kepada Syarikat Edaran Otomobil Nasional (EON) untuk menjalankan pelbagai usaha bagi melariskan lagi jualan-nya.

Di utara

Sementara itu 19 buah kereta Proton Saga tiba di sini sejak seminggu lalu untuk diserahkan kepada pembeli-pembeli di seluruh Kedah dan Perlis.

Bagaimanapun, ia masih belum diserahkan kepada pembelinya kerana masalah cukai kastam yang perlu dijelaskan dahulu.

Jurucakap cawangan EON di sini berkata, kereta-kereta itu dijangka dapat diserahkan bulan depan.

Menurutnya, semua kereta itu masih disimpan dan tidak akan dipamerkan kepada orang ramai sebelum 1 September.